

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**  
**TARIKH : 17.6.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pengendalian kes di mana anak yang dilahirkan di Sarawak di mana perkahwinan adalah tidak sah terutamanya apabila bapa adalah warga Malaysia tetapi ibu berwarganegara lain, anak tersebut tidak dibenarkan masuk berdaftar di sekolah tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan tertakluk kepada akta dan dasar KPM di mana pendidikan di sekolah-sekolah tersebut disediakan untuk warganegara. Kemasukan murid bukan warganegara adalah tertakluk kepada seksyen 130 Akta Pendidikan 1996. Pada dasarnya perkahwinan tidak sah akan menjadikan anak yang dilahirkan tidak sah taraf. Sekiranya ibu kanak-kanak tersebut bukan warganegara maka anak tersebut juga bertaraf bukan warganegara. Walau bagaimanapun, bagi menyediakan kemudahan pendidikan kepada golongan sedemikian, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1 Tahun 2009 yang membenarkan murid bukan warganegara dan tidak mempunyai dokumen rasmi bersekolah dengan surat mendapat pengesahan daripada Ketua Kampung.